

Tegas tangani buli

ARAU - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan bekerjasama dengan agensi lain seperti Majlis Sosial Negara bagi mencadangkan tindakan tegas diambil dalam mengekang kejadian buli dan dera terus berlaku.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, kementerian itu memandang serius kes berkenaan sehingga menyebabkan kematian berlaku baru-baru ini.

Beliau berpuas hati kerana polis mengambil tindakan tindakan dalam kes T Nhaveen, 18, yang meninggal dunia petang semalam akibat dipukul sekumpulan remaja seminggu lalu mengikut panel kod dan bukan akta kanak-kanak.

"Pegawai saya kini lebih kerap turun padang menemui masyarakat dan kumpulan sasar bagi mendapatkan maklum balas atau cadangan bagi menambah baik program kementerian," katanya pada program #negaraku_KasihKita KPWKM di Rumah Kanak-Kanak



Rohani (dua, kanan) mengacau bubur lambuk pada Program #Negaraku, KasihKita.

Arau, Guar Nangka, semalam.

Dalam perkembangan lain Rohani berkata, kementeriannya melancarkan program baharu Transit Home atau Rumah Transit untuk wanita bujang setelah mereka keluar dari rumah perlindungan kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) apabila mencapai umur 18 tahun.

"Kita risau mereka tiada pengala-

man dan tempat tuju apabila keluar. Oleh sebab itu Rumah Transit menyediakan perlindungan sementara sehingga mereka tamat belajar atau bekerja," katanya.

Menurutnya empat Rumah Perlindungan JKM diluluskan dijadikan Rumah Transit iaitu di Keramat yang dihuni 20 orang, Cheras, Melaka dan Guar Nangka, Perlis. - *Bernama*